



PM akan umum satu lagi pakej bantuan ekonomi - Khairy

[Zanariah Abd Mutalib](#)

am@hmetro.com.my



KHAIRY Jamaluddin. FOTO Asyraf Hamzah

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengumumkan satu lagi pakej bantuan ekonomi tidak lama lagi, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berkata, pakej berkenaan akan diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Selain pengumuman Pelan Pemulihan Negara, saya percaya Perdana Menteri akan membuat pengumuman tidak lama lagi mengenai pakej bantuan ekonomi yang besar, ia tidak lama lagi.


"Saya tidak mahu membuat kenyataan awal mengenai pengumuman itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi libat urus bersama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), sempena Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-45 NCCIM yang diadakan melalui webinar, hari ini.

Trending



[Penangan kluster tempat kerja](#)



[Bintang TikTok dijej 10 tahun](#)



[Bahana bela anak lotong](#)



['Suami saya sudah berubah...'](#)



['Besi bodoh' disadur emas](#)

Beliau terdahulu menyampaikan ucap tama pada AGM berkenaan.

Khairy menjawab soalan Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) N Gobalakrishnan berhubung langkah kerajaan bagi membantu pemain industri yang berdepan kesukaran dalam situasi pandemik Covid-19 ini, termasuk ada yang tidak mampu membayar gaji pekerja.

Sejak negara dilanda Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan pada Mac tahun lalu, kerajaan sudah memperkenalkan enam pakej bantuan untuk membantu rakyat dan peniaga yang terjejas berikutan penutupan sektor ekonomi serta pengecilan operasi perniagaan, yang menyebabkan sebahagian rakyat hilang pekerjaan dan sumber pendapatan.

Pakej berkenaan adalah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin), Prihatin PKS, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana), Pakej Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: Kita Prihatin, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai) dan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (Pemeraksa).

Disiarkan pada: Jun 24, 2021 @ 8:36pm

Artikel Berkaitan



RAP/RAPXTRA
FDAM lega Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat



ARENA
KJ tak kisah



BISNES
Strategi 6R pulih ekonomi



MUTAKHIR
Perkenal pakej bantuan baharu tolong individu terkesan

Mutakhir



11 termasuk lima wanita ditahan berparti dadah



Yakin 80% dapat divaksin



Kantoi rentas negeri beli bekalan dadah




Rumah sewa dijadikan 'port' berjudi



Econsave terus berbakti



Lari tinggalkan kereta dipenuhi gula, minyak masak



Start investing too and you could have a...

Smart Investment



Are you ad...

[Learn More](#)

Australia.com



Retirement Villages Near Petaling Jaya...

Senior Living | Spons...



Cristiano Ronaldo Sells Manchester...

Mansion Global



Jika sendi and...

[Shop Now](#)

asiastory.news



Mendapatkan pinjaman mungkin lebih...

Pinjaman | Senarai Ta...



Petaling Jaya: Liquidation Of Unsold 2020...

SUV Deals | Search Ads



Funny Yearbook Quotes That Slipped Under...

TooCool2BeTrue

MyResipi



Tips Masak Beras Basmathi Supaya Lembut & Tidak Melekat, Baru Lah Sedap Nak Makan!



Jom Cuba Resepi Korean Cream Cheese Garlic Bread, Hanya Guna Roti Burger Je!



Petua Ikan Bilis Goreng Supaya Kekal Rangup, Boleh Simpan Stok Di Rumah



Resepi Roti Paratha Sosej Cheese Gulung Guna Air Fryer, Semudah ABC!



Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik